

SARJANA EKONOMI ISLAM

(Mod Kerja Kursus)

Program ini direka untuk melahirkan graduan yang mahir bukan sahaja daripada segi teori ekonomi Islam, tetapi juga mengaplikasikan teori tersebut dalam perbankan dan kewangan Islam. Program Sarjana Ekonomi Islam menekankan kepada konsep ekonomi daripada perspektif syariah.

Matlamat Program

Matlamat program ini adalah untuk:

- a. Melahirkan graduan ekonomi dan kewangan Islam yang mengenal Pencipta.
- b. Melahirkan graduan ekonomi dan kewangan Islam yang kompeten dari segi pengetahuan, kemahiran insaniah dan penyelidikan bagi memenuhi keperluan industri luar dan dalam negara tanpa mengeneipkan akhlak yang baik dan nilai-nilai murni.
- c. Melahirkan graduan ekonomi dan kewangan Islam yang boleh memacu Malaysia menjadi pusat rujukan bagi bidang-bidang ini.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

- a. Berupaya menguasai bidang ekonomi dan kewangan Islam.
- b. Berkebolehan untuk mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam serta penyelidikan.
- c. Mampu menjana ilmu yang diperolehi melalui penyelidikan ke arah penyelesaian isu-isu masyarakat dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam serta silang disiplin selaras dengan budaya dan nilai kebangsaan.
- d. Menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan yang minimum, mematuhi etika penyelidikan dan menyampaikan hasil kajian dengan jelas.
- e. Mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama secara berkesan dengan rakan-rakan dan pihak yang berkepentingan (pemegang taruh).
- f. Mengintegrasikan dan mensintesis pengetahuan melalui pembacaan dan penyelidikan bagi menghasilkan penyelesaian kepada masalah.
- g. Mempamerkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran sendiri

Syarat Kemasukan

Syarat kemasukan adalah seperti berikut:

- a. Ijazah Sarjanamuda Ekonomi dengan Kepujian dengan PNGK yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- b. Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjanamuda Ekonomi dengan Kepujian dengan PNGK yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; dan
- c. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh program atau Fakulti; dan
- d. Pemohon luar negara yang bukan dari negara Bahasa Inggeris sebagai Bahasa rasmi hendaklah memenuhi keperluan Bahasa Inggeris dengan sekurang- kurangnya skor TOEFL 550 atau IELTS band 6 atau peperiksaan Bahasa Inggeris lain yang diperakui Senat UKM.

Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian

- a. Sepenuh masa (tiga (3) hingga enam (6) semester)*
- b. Separuh masa (dua (4) hingga lapan (8) semester)*

** Semua kuliah dijalankan pada hari dan waktu bekerja.*

Struktur Program

- a. Calon hendaklah mengikuti dan lulus 45 kredit kursus yang terdiri daripada komponen berikut:

| Jenis Kursus | Jam Kredit |
|----------------------|------------|
| Kursus Wajib Fakulti | 3 |
| Kursus Wajib Program | 20 |
| Kursus Wajib Modul | 12 |
| Kursus Elektif | 4 |
| Kertas Ilmiah | 6 |
| Jumlah | 45 |

- b. Penulisan kertas ilmiah adalah dalam bentuk manuskrip yang sedia untuk diterbitkan dalam jurnal.

Senarai Kursus

a. **Kursus Wajib Fakulti (3 kredit)**

EPPD6013 Kaedah Penyelidikan

b. **Kursus Wajib Program (20 kredit)**

EPPE6034 Kaedah Ekonometrik

EPPE6534 Analisis Ekonomi Islam Lanjutan

EPPE6544 Wang, Zakat dan Ekonomi Benar

EPPE6514 Fiqh Untuk Ekonomi

EPPE6624 Usul dan Kaedah Fiqh Lanjutan

c. **Kursus Wajib Modul (12 kredit)**

Calon boleh memilih salah satu modul berikut dan memenuhi 12 kredit:

Ekonomi Islam Gunaan dalam Perbankan

EPPE6564 Pengurusan Risiko Perbankan Islam

EPPE6634 Sistem dan Operasi Perbankan Islam

EPPE6644 Ekonomi Pembangunan Islam

Ekonomi Islam Gunaan dalam Kewangan

EPPE6594 Pengurusan dan Perancangan Harta Islam

EPPE6644 Ekonomi Pembangunan Islam

EPPE6654 Kewangan Korporat dan Pasaran Modal Islam

d. **Kursus Elektif (4 kredit)**

Calon boleh memilih salah satu daripada kursus-kursus berikut:

EPPE6614 Teori dan Praktis Takaful

EPK6054 Undang-undang untuk Perniagaan

e. **Kertas Ilmiah (6 kredit)**

EPPE6906 Kertas Ilmiah

f. **Kursus Bahasa Melayu**

Calon luar negara hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan sebagaimana ditetapkan UKM.

| Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa | Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu |
|--|---|
| Luar Nusantara Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu | LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa |
| Nusantara Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand. | LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara |

Syarat Pengurniaan Ijazah

Syarat pengijazahan adalah seperti berikut:

- a. Lulus dengan mencapai PNGK terakhir ≥ 3.00 ;
- b. Lulus Kertas Ilmiah;
- c. Menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- d. Memenuhi syarat manuskrip yang sedia diterbitkan; dan
- e. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti.

SINOPSIS PROGRAM EKONOMI ISLAM

EPPE6034 Kaedah Ekonometrik

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada pelajar tentang model regresi mudah; model regresi berbilang: penganggaran model, analisis varians dan ujian hipotesis; model dengan masalah multikolineariti, heteroskedastisiti dan autokorelasi: pengecaman dan kaedah mengatasi. Perbincangan juga akan meliputi regresi dengan pembolehubah dami; kriteria pemilihan model; pemodelan data siri masa dan data panel.

Rujukan

- Asteriou, D. & Hall, S.G. (2011). *Applied Econometrics*. 2nd Edition. New York: Palgrave Macmillan.
- Enders, W. (2014). *Applied Econometric Time Series*. 4th Edition. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Gujarati, D.N. & Porter, D.C. (2009). *Basic Econometrics*. 5th Edition. New York: McGraw-Hill.
- Stock, J.H. & Watson M.W. (2015). *Introduction to Econometrics*. Updated 3rd Edition. New York: Pearson
- Studenmund, A.H. (2011). *Using Econometrics: A Practical Guide*. 6th Edition. New York: Pearson
- Wooldridge, J.M. (2016). *Introductory Econometrics: A Modern Approach*. 6th Edition, Massachusetts: Cengage Learning

EPPE6534 Analisis Ekonomi Islam Lanjutan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang kaedah menganalisis ilmu ekonomi dan mengapikaskannya dalam analisis mikroekonomi. Pelajar akan diperkenalkan kepada proses Islamisasi dan kaedah analisis bagi beberapa tajuk tertentu dalam mikroekonomi mengikut perspektif Islam. Perbincangan akan meliputi analisis kelakuan pengguna, analisis kelakuan pengeluar, analisis pasaran barang dan perkhidmatan, penentuan faktor dan harga faktor pengeluaran, dan akhirnya analisis kelakuan kerajaan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya berupaya membuat analisis ekonomi secara mikro menurut perspektif Islam.

Rujukan

- Chapra, M.U. (2014). *Morality and justice in Islamic economics and finance*.UK: Edward Elgar Publishing Limited
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2011). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Khan, M.A (2013). *What is wrong with Islamic economics? Analysing the state and and future agenda*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Sanep Ahmad. (2016). *Analisis Ekonomi Islam*. Bangi: Penerbit Penerbit Kebangsaan Malaysia
- Sanep Ahmad & Salmi Edawati Yaacob. (2012). *Dinar emas: Sejarah dan aplikasi semasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

EPPE6544 Wang, Zakat dan Ekonomi Benar

Kursus ini membincangkan teori makroekonomi Islam dalam ekonomi benar. Lebih spesifik kursus ini akan menganalisis kesan wang dan zakat kepada penggunaan, tabungan, pelaburan struktur modal, pasaran buruh dan pertumbuhan ekonomi.

Rujukan

- Chapra, M.U (2014). *Morality and justice in Islamic economics and finance*. UK: Edward Elgar Publishing Limited
- Khan, M.A (2013). *What is wrong with Islamic economics? Analysing the present state and and future agenda*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2011). *Analisis ekonomi Islam: satu pendekatan analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Naqvi, S. N. H (2013). *Islam, economics, and society*. New York: Routledge
- Zubair Hassan. (2015). *Economics with Islamic Orientation*. UK: Oxford Univ Press

EPPE6514 Fiqh untuk Ekonomi

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan beberapa istilah dan tajuk khusus dalam Fiqh yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi dan kewangan. Di antara istilah yang akan dibincangkan ialah riba, gharar, dharurah, akad, wakaf, dsb. Tajuk yang akan dibincangkan ialah teori kontrak, kontrak jualbeli dan kontrak khusus seperti Mudharabah, Wakalah, Kafalah, Al-Rahn, Ijarah, As-Salam dan sebagainya. Perbincangan akan dikaitkan dengan pengamalan semasa.

Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan. (2015). *Synopsis on the Elucidation of Legal Maxims in Islamic Law*. (al-wajiz fi Sharh alQawa'id al-Fiqhiyyah fil-Shari'ah al-Islamiyyah) Md. Habibur Rahman and Azman Ismail (Translation). Kuala Lumpur: ISRA.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid I - VIII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad Akram Laldin. (2011). *Introduction to Shari'ah and Islamic Jurisprudence*. 3rd Edition. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Mohamad Akram Laldin, Said Bouheraoua, Riaz Ansary, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohammad Mahbubi Ali & Madaa Munjid Mustafa. (2013). *Islamic Legal Maxims and Their Application in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: ISRA.

EPPE6624 Usul dan Kaedah Fiqh Lanjutan

Kursus ini merupakan kombinasi dua bidang yang berkait antara satu sama lain iaitu usul fiqh dan bidang yang paling penting dalam usul fiqh iaitu qawaid fiqhiyyah (kaedah fiqh). Kursus ini berkaitan dengan metodologi usul fiqh. Pelajar diperkenalkan dengan asal usul pengajian usul dan perkembangan usul fiqh serta perbezaan antara usul fiqh dan fiqh. Selain itu, empat sumber utama perundangan, sumber pelengkap perundangan, maqasid syariah dan ijtihad turut dibincang. Kursus ini juga cuba untuk menganalisis lima kaedah fiqh dalam konteks ekonomi dan kewangan Islam.

Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan. (2015). *Synopsis on the Elucidation of Legal Maxims in Islamic Law. (al-wajiz fi Sharh alQawa'id al-Fiqhiyyah fil-Shari'ah al-Islamiyyah)* Md. Habibur Rahman and Azman Ismail (Translation). Kuala Lumpur: ISRA.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). Terj. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid I - VIII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Akram Laldin. (2011). *Introduction to Shari'ah and Islamic Jurisprudence*. 3rd Edition. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Mohamad Akram Laldin, Said Bouheraoua, Riaz Ansary, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohammad Mahbubi Ali & Madaa Munjid Mustafa. (2013). *Islamic Legal Maxims and Their Application in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: ISRA.

EPPE6564 Pengurusan Risiko Perbankan Islam

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang salah satu daripada aspek penting di institusi perbankan Islam, iaitu pengurusan risiko. Kursus ini membincangkan falsafah dan konsep risiko dari perspektif syariah dan operasi pengurusan risiko dalam sesebuah perbankan Islam. Kursus ini merangkumi perbincangan mengenai pengenaltastian risiko utama yang dihadapi perbankan Islam berdasarkan jenis risiko, kaedah pengukuran, pengurusan dan pengawalan risiko serta menganalisis hubungan risiko dengan keperluan modal perbankan sebagaimana yang ditetapkan

oleh pihak pengawalselia. Setelah mengikuti kursus ini pelajar seharusnya berupaya mengaplikasi konsep dan amalan pengurusan risiko di perbankan Islam.

Rujukan

Ahcene Lahsasna. (2014). *Shari'ah Non-compliance Risk Management and Legal Documentations in Islamic Finance*. Wiley Finance Series. ISBN: 978-1-118-79680-1.

Imam Wahyudi, Fenny Rosmanita, Muhammad Budi Prasetyo, Niken Iwani Surya Putri. (2015). *Risk Management for Islamic Banks: Recent Developments from Asia and the Middle East*. Wiley Finance. ISBN: 978-1-118-73442-

International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2012). *Islamic Financial System: Principles and Operations*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: ISRA. ISBN: 978-967-12220-1-0.

Mohammad Akram Laldin, Said Bouheraoua, Riaz Ansary, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohammad Mahbubi Ali & Madaa Munjid Mustafa. (2013). *Islamic Legal Maxims & Their Application in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: ISRA. ISBN: 967-10318-9-6.

S. Shahida, Abdul Ghafar Ismail, Aisyah Abdul-Rahman & Raudha Md. Ramli (Eds.). (2012). *Module The Principles and Practices of Risk Management in Islamic Banking Institutions*. Bangi: Penerbit EKONIS-UKM.

EPPE6634 Sistem dan Operasi Perbankan Islam

Kursus ini membincangkan mengenai operasi perbankan Islam dan pasaran wang Islam. Pelajar akan diperkenalkan kepada falsafah Islam dan prinsip syariah berkaitan perbankan Islam, dan aplikasi dalam operasi perbankan dan pasaran wang. Perbincangan akan meliputi ekonomi dan kewangan Islam, wang dan dasar monetari, rangkakerja syariah, kontrak syariah, operasi perbankan Islam, pasaran wang Islam, pengurusan risiko, peraturan, penyeliaan dan tadbir urus sistem perbankan Islam. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menganalisis, mengintegrasikan dan mensintesis pengetahuan mengenai isu semasa yang berkaitan operasi perbankan Islam dan pasaran wang.

Rujukan

International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2012). *Islamic Financial System: Principles & Operations*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: ISRA. ISBN: 978-967-12220-1-0.

Mohd Azmi Omar, Muhamad Abduh & Raditya Sukmana. (2013). *Fundamentals of Islamic Money and Capital Markets*. Singapore: Wiley Finance Series.

Muhammad Ridwan Ab. Aziz. (2016). *Essential Foundations of Islamic Money and Capital Market*. Nilai: Penerbit USIM. 978-967-440-255-6

- Abedifar, P., Molyneux, P. & Tarazi, A. (2013). *Risk in Islamic banking, Review of Finance*, 17(6), 2035-2096.
- Sun, P.H., Hassan, M.K., Hassan, T. & Ramadilli, S.M. (2014), *The assets and liabilities gap management of conventional and Islamic banks in the organization of Islamic cooperation (OIC) countries*, *Applied Financial Economics*, 24(5), 333-346.

EPPE6644 Ekonomi Pembangunan Islam

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan isu-isu ekonomi Islam semasa di peringkat mikroekonomi dan makroekonomi. Isu-isu terkini seperti ekonomi halal, matlamat pembangunan lestari (Sustainable development goals – SDGs) menurut perspektif Islam serta ekonomi antara negara-negara OIC merupakan antara topik-topik semasa yang akan diberikan penekanan dalam kursus ini. Topik-topik baru yang lain seperti ekonomi kemanusiaan (humanitarian economics) ekonomi kewangan sosial dari perspektif Islam impak revolusi industri ke – 4 juga akan dibincangkan dalam kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya menganalisis situasi ekonomi dalam konteks yang diberikan dan mampu memberikan pemikiran baru.

Rujukan

- Arnab Mandal. (2015). *Sustainable Development: Goals and Strategies*. LAP LAMBERT Academic Publishing. Germany: LAP LAMBERT Academic Publishing.
- Atih Rohaeti Dariah, Muhammad Syukri Salleh & Hakimi M. Shafiai. (2016). *A New Approach for Sustainable Development Goals in Islamic Perspective*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. Vol. 219. p. 159-166.
- Hassan, M. K. & Lewis, M. K. (2014). *Handbook on Islam and Economic Life*. *United Kingdom*: Edward Elgar Publishing Limited.
- Hossain, A. A. (2015). *Central Banking and Monetary Policy in Muslim-Majority Countries*. *United Kingdom*: Edward Elgar Publishing Limited
- Alex Nicholls, Rob Patin & Jed Emerson (Eds). (2016). *Social Finance*. *United Kingdom*: Oxford University Press.

EPPE6594 Pengurusan dan Perancangan Harta Islam

Kursus ini dibentuk untuk pelajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan dan perancangan harta Islam pada peringkat lanjutan. Beberapa topik menghubungkan pengurusan harta Islam dengan isu-isu semasa dalam konteks ekonomi di Malaysia dalam perspektif makroekonomi. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk-tajuk berikut – konsep dan proses pengurusan dan perancangan harta, teori kitaran hayat, bagaimana menangani kos

sara hidup yang meningkat melalui pengurusan wang tunai dan kecairan, isu hutang isi rumah dan kad kredit, penyucian harta melalui perancangan zakat, sedekah dan waqaf, perancangan cukai, perancangan pelaburan, isu berkaitan pelaburan ASNB, FOREX dan pelaburan emas, perancangan persaraan, isu berkaitan Kumpulan Wang dan Simpanan Pekerja (KWSP) dan kemudahan skim persaraan swasta, perancangan harta pusaka dan kod etika perancang kewangan.

Rujukan

- Billingsley, R., Gitman, L. J. & Joehnk, M. D. (2017). *Personal Financial Planning* (14th Edition). South Western: Cengage Learning.
- Ismail, A. (2013). *Islamic Inheritance Planning 101*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Keown, A. (2013). *Personal Finance Turning Money into Wealth*. Boston: Pearson
- Shafii, Z., Mohd. Yusoff, Z and Md. Noh. S. (2013). *Islamic Financial Planning & Wealth Management*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Sulaiman, R., Lahsasna, A. and Mokhtar, M. (2014). *Islamic Wealth Management and Financial Advisory: A Study Guide*. Kuala Lumpur: IBFIM.

EPPE6654 Kewangan Korporat dan Pasaran Modal Islam

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang pengurusan kewangan korporat mengikut perspektif Islam. Di samping itu instrumen pasaran modal Islam juga bincangkan. Topik dalam kursus ini meliputi konsep nilai masa wang, kos modal, pembelanjawan modal, teknik penilaian projek, struktur modal, pembiayaan ekuiti, pembiayaan hutang, pajakan dan pengambilalihan. Semua topik tersebut dihubungkan dengan pandangan dari perspektif Islam yang melibatkan konsep riba, Maqasid syariah, kadar keuntungan firma menggunakan kontrak perkongsian untung rugi, proses penyaringan saham patuh syariah, sukuk dan iREITs. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami dan menganalisa pengurusan kewangan korporat mengikut perspektif Islam serta mengintegrasikannya dengan instrumen pasaran modal Islam yang ditawarkan di pasaran.

Rujukan

- Muhammad Ridhwan Ab. Aziz. (2016). *Essential Foundations Of Islamic Money And Capital Market*. Nilai: Penerbit USIM. 978-967-440-255-6.
- Brigham, Eugene F, Houston, Joel F & Bany-Arifin. (2013). *Essential Of Financial Management*. 3rd Edition.. Singapore, Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2015). *Islamic Capital Markets: Principles & Practices*. Kuala Lumpur: ISRA. ISBN: 978-967-349-652-5.

- Batcha, Obiyathulla I. & Mirakhor, A. (2013). *Islamic Capital Markets: A Comparative Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Mohd Azmi Omar, Muhamad Abduh & Raditya Sukmana. (2013). *Fundamentals Of Islamic Money And Capital Markets*. Singapore: Wiley Finance Series.

EPPE6614 Teori dan Praktis Takaful

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran tentang teori dan amalan takaful. Antara topik yang dibincangkan ialah konsep risiko, proses pengurusan risiko, prinsip insurans, prinsip takaful, model operasi takaful, takaful keluarga, takaful am, pelan-pelan takaful dan retakaful. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan kepada kepentingan dan peranan takaful kepada individu dan perniagaan, dan juga isu-isu semasa dalam industri takaful.

Rujukan

- Hendon Redzuan & Rubayah Yakob. (2017). *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. Book Manuscript.
- Dorfman, M. S. & Cather, D. A. (2013). *Introduction To Risk Management & Insurance*. 10th Edition. Pearson Education Limited. New Jersey, USA.
- Frenz, T. & Soualhi, Y. (2010). *Takaful & Retakaful. Advanced Principles And Practices*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Munich Re.
- Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail & Abdul Khudus Mohd Naaim Abdullah. (2012). *Fundamentals Of Takaful*. IBFIM. Kuala Lumpur.
- Redja, G. E. & McNamara, M. J. (2014). *Principles Of Risk Management & Insurance*. 12th edition. Pearson Education Limited. Global Edition.

EPPK6054 Undang – Undang Untuk Perniagaan

Matlamat kursus adalah menghuraikan kepada pelajar berhubung aspek perundangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah aplikasi undang-undang berhubung keusahawanan, kontrak, pendaftaran dan penubuhan syarikat, modal perniagaan, kontrak sivil dan Islam, pembentukan lembaga pengarah, Agensi, prinsip ekuiti dan amanah, penyelesaian pertikaian alternatif, kebertanggungjawaban, perbankan, insurans, jenayah pecah amanah dan harta intelek.

Rujukan

- Kenneth Foo Poh Khean & Lee Shih. (2017). *The new dynamics of company law in Malaysia*. Companies Act 2016, Current Law Journal. ISBN 978-967-457-120-7.
- Abdul Majid Nabi Baksh & Krisnan Arjunan. (2005). *Business law in Malaysia*. Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Harlina Mohamad On, Ruzian Markom & Rozanan Ab Rahman. (2002). *Prinsip undang-undang perniagaan di Malaysia*. Kumpulan Usahawan Muslim Sdn Bhd, Edisi ketiga.

Lee Mei Pheng, & Ivan Jeron Detta. (2011). *Business law*. Oxford University Press.

Wan Arfah Hamzah. (2009). *A first look at the Malaysian legal system*. Oxford Fajar Sdn Bhd

EPPE6906 Kertas Ilmiah

Kertas ilmiah merupakan hasil penulisan berbentuk manuskrip dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam yang sedia untuk diterbitkan dalam jurnal. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar kerangka kerja teoretikal dan kaedah penyelidikan dalam bidang yang dipilih. Perbincangan meliputi isu, teori, kaedah penyelidikan serta amalan dalam bidang berkaitan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu menjalankan penyelidikan yang berkaitan isu-isu ekonomi dan kewangan Islam.

Rujukan

Wooldridge, J.M. (2016). *Introductory Econometrics: A Modern Approach*. 6th Edition, Massachusetts: Cengage Learning.

Bryman, A. & Bell, E. (2015). *Business Research Method*, 4th Ed. Oxford University Press. New York.

Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4th Ed. Oxford University Press. New York.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B.J. & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. 7th Ed. Pearson, Singapore.

Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. 7th Ed. John Wiley & Sons, Chichester, West Sussex, UK.